



UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية بهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

PELAN STRATEGIK 2022-2026

KE ARAH KELESTARIAN UNIVERSITI



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بپهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

PELAN STRATEGIK 2022-2026

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

Hak Cipta Terpelihara 2022. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang ayat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta.

Disediakan oleh:

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
KM 8, Jalan Gambang,
25150, Kuantan
Pahang Darul Makmur

ISI KANDUNGAN



| | | |
|--|--|--------------|
| 01. | Visi, Misi, Objektif & Falsafah | 01 |
| 02. | Canselor | 02 |
| 03. | Pro Canselor 1 & Pro Canselor 2 | 03-04 |
| 04. | Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah | 05 |
| 05. | Perutusan Naib Canselor | 06 |
| 06. | Sejarah Penubuhan | 07-10 |
| 07. | Nilai Teras | 11 |
| 08. | Pengenalan | 12 |
| 07. | Sesi Taklimat & Libat Urus | 13 |
| PELAN STRATEGIK UnIPSAS 2022-2026 | | |
| 09. | 7 Teras Utama | 14 |
| | Teras 1 : Pemerkasaan graduan | 15-24 |
| | Teras 2 : Keunggulan Bakat Akademik | 25-29 |
| | Teras 3 : Kecemerlangan Program Akademik | 30-34 |
| | Teras 4 : Pemerkasaan Penyelidikan dan Inovasi | 35-44 |
| | Teras 5 : Kemapanan Kewangan | 45-48 |
| | Teras 6 : Kemantapan Ekosistem Governan | 49-61 |
| | Teras 7 : Jaringan Komuniti | 62-70 |
| 10. | Penghargaan | 71 |
| 11. | Galeri | 72-73 |

VISI, MISI, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

- ❖ Menjadi Pusat Kecemerlangan Ilmu dan Keterampilan Insan.

MISI

- ❖ Beriltizam meningkatkan kualiti akademik yang mengintegrasikan ilmu aqli dan naqli bagi melahirkan individu yang seimbang, berdaya saing dan bersahsiah, melalui budaya pengurusan, profesional dan persekitaran yang kondusif.

FALSAFAH

- ❖ Pendidikan bersepadu berteraskan ilmu, iman dan amal melahirkan insan bertakwa, berketerampilan dan berkepemimpinan membentuk masyarakat sejahtera dan harmoni dunia dan akhirat.

OBJEKTIF

- ❖ Menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa.
- ❖ Meningkatkan profesionalisme tenaga akademik dan pengurusan melalui program pembangunan staf.
- ❖ Membentuk individu yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan berdaya saing.
- ❖ Membangun dan melengkapkan prasarana pendidikan terkini bagi menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan efisien.
- ❖ Menjadikan UnIPSAS sebagai pusat penyelidikan dan rujukan ke arah pembangunan pendidikan sejagat.



CANSELOR



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang,
Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah,
DK., SSAP., SIMP.



PRO CANSOLOR I

YAB. Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.



PRO CANSELOR II

Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja Kolonel
Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah,
SSAP.,SIMP.

PERUTUSAN Pengerusi LEMBAGA PENGARAH



YB. Dato' Sri Dr.
Sallehuddin Bin Ishak
SSAP, SIMP, DIMP, P.J.N., JSM, P.J.K.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, dengan kerjasama semua pihak, maka Pelan Strategik UnIPAS 2022-2026 (PS) ini telah berjaya dihasilkan. Dengan berpandukan tujuh Teras Utama yang menjadi tonggak kecemerlangan UnIPAS, saya yakin Pelan Strategi ini bakal memberi impak yang tinggi terhadap kemajuan UnIPAS di masa hadapan. Benar sekali kata pujangga, "If you fail to plan, you are planning to fail". Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukanlah terjadi secara tidak sengaja, malah sebaliknya, ia perlu didasari dengan penelitian, penilaian dan perancangan yang penuh berstrategik dan berwawasan. Apatah lagi sebagai sebuah institusi yang baru dinaiktaraf kepada sebuah universiti penuh, Pelan Strategik ini amat penting bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan UnIPAS dalam industri pendidikan negara yang semakin kompetitif ini.

Justeru, cabaran seterusnya kepada pihak pengurusan adalah untuk menjadikan Pelan Strategik ini sebagai blueprint yang memandu hala tuju jangka panjang UnIPAS dengan memberi komitmen dan fokus dalam melaksanakan segala perancangan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ini. Sehubungan itu pihak pengurusan UnIPAS perlu membuat penilaian dan pelaporan berkala bagi memastikan kelancaran kemajuan Pelan Strategik ini.

Sebagai mengakhiri kalam, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelan Strategik UnIPAS yang dipengerusikan oleh YH Dato' Dr Saharuddin bin Abd Hamid yang telah bekerja keras menghasilkan Pelan Strategik ini, serta Ahli Lembaga Pengelola SPIPSB yang dipengerusikan oleh YH Dato' Dr Muhamad bin Muda yang telah meneliti dan menyumbang buah fikiran bagi menambahbaik Pelan Strategik ini. Saya juga merakamkan setinggi tahniah kepada semua warga kerja UnIPAS yang diterajui YH Prof Madya Dato' Dr. Mohd Zawawi bin Zainal Abidin di atas penghasilan pelan ini. Semoga usaha kita ke arah menjadikan UnIPAS sebagai sebuah institusi kebanggaan rakyat negeri Pahang akan mendapat keredhaan dan ganjaran dari Allah SWT. Wassalamualaikum.

PERUTUSAN NAIB CANCELOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji bagi Allah, kerana dengan keizinan-Nya jua, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) berjaya menyediakan Pelan Strategik 2022-2026. Tahun 2021 merupakan tahun yang cukup bermakna buat UnIPSAS apabila diberi pengiktirafan sebagai universiti penuh oleh Kementerian Pengajian Tinggi setelah 25 tahun

Penaiktarafan ini menjadi wadah penting dalam perkembangan pendidikan tinggi sebagaimana yang disasarkan oleh pendidikan tinggi peringkat nasional. Justeru, pelan ini merupakan manifestasi kepada perancangan UnIPSAS dalam tempoh lima tahun bagi melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti.

Pelan Strategik yang telah dirangka adalah sejajar dengan keperluan dan aspirasi masyarakat, industri, dan negara. Untuk memenuhi hasrat ini tujuh teras Pelan Strategik beserta petunjuk prestasi utama telah dikenal pasti. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pemilihan inisiatif yang signifikan dan berimpak tinggi dapat memastikan UnIPSAS berada di landasan yang betul dalam merealisasikan harapan untuk mengangkat institusi pengajian tinggi yang berteraskan agama ke mercu kegemilangan.

Kejayaan melaksanakan Pelan Strategik ini memerlukan komitmen tinggi semua pihak, sama ada kakitangan akademik, bukan akademik, pelajar, industri serta pihak-pihak berkepentingan. Penghayatan dan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Strategik ini akan menentukan hala tuju UnIPSAS dalam meningkatkan kualiti akademik dan penyelidikan, urus tadbir serta kebolehpasaran graduan.

Saya mewakili UnIPSAS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas dedikasi dan kerjasama yang telah diberikan. Marilah kita sama-sama berdoa agar semua perancangan dapat direalisasikan dan dicapai serta mendapat keredhaan Allah SWT.



Prof Madya Dato' Dr. Haji
Mohd Zawawi bin Zainal Abidin
DSAP, SMP, AMP.

SEJARAH PENUBUHAN UnIPSAS

KOLEJ ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

Kewujudan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) adalah merupakan titik tolak pertama ke arah pembangunan dan kemajuan pendidikan tinggi Islam di negeri ini. Sejarahhnya bermula pada 27 Ogos 1996 apabila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang meluluskan idea penubuhannya.

Buat permulaannya, KIPSAS menampung keperluan saluran pengajian tinggi bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah agama negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi. Pengambilan kumpulan pelajar pertama seramai 67 orang telah dimulakan sebaik sahaja menerima keputusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kolej yang cukup sinonim dengan KDYMM Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibnu Almarhum Sultan Abu Bakar ini telah dirasmikan oleh Baginda pada 16 November 2000 bersamaan 19 Syaaban 1421H. KDYMM Sultan Pahang menjadi simbol dan lambang kegemilangan kolej ini di negeri Pahang.



Mulai April 1998, KIPSAS berdaftar sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi swasta dan bernaung sepenuhnya di bawah anak syarikat kerajaan negeri, Sistem Pendidikan Islam Pahang Sendirian Berhad (SPIPSB). Kolej yang menawarkan peluang pengajian peringkat diploma ini telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1996 dan telah siap dibina pada Februari 2000 di atas tanah seluas kira-kira 41 ekar melibatkan perbelanjaan sebanyak RM41 juta meliputi bangunan pentadbiran, bangunan akademik, perpustakaan, blok-blok asrama pelajar, kafeteria, dewan besar, kompleks sukan, rumah kediaman Presiden dan blok-blok kediaman pensyarah/staf.



KOLEJ UNIVERSITI

Proses perkembangan KUIPSAS seterusnya ialah usaha naik taraf KIPSAS ke Kolej Universiti (KU). Sebagai langkah awal, KUIPSAS telah menyahut saranan Ahli Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengurus Sistem Pendidikan Islam Pahang agar membuat kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pada 20 Oktober 2015, KUIPSAS berjaya didaftarkan sebagai sebuah kolej universiti.

UNIVERSITI ISLAM PERTAMA MILIK KERAJAAN NEGERI PAHANG

Hasrat untuk menjadi sebuah Universiti Islam pertama milik Kerajaan Negeri Pahang telah direalisasikan dengan kejayaan memperoleh kelulusan penubuhan universiti penuh pada 25 Mac 2021 dan seterusnya kelulusan Perakuan Pendaftaran pada 30 September 2021. Sehubungan dengan itu, UnIPSAS komited melahirkan modal insan berkualiti dan holistik berteraskan integrasi ilmu aqli dan naqli yang berupaya menyumbang kepada pembangunan peradaban agama dan negara.



CANSELOR DAN PRO CANSELOR

Kerajaan Negeri telah berkenan melantik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sebagai Canselor Pertama KUIPSAS dan Majlis Istiadat Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang selaku Canselor Pertama KUIPSAS telah diadakan pada 25 Februari 2016. Manakala Menteri Besar Pahang dilantik sebagai Pro-Canselor UnIPSAS.

30 MAC 1994

KELULUSAN PENUBUHAN OLEH MMK



27 OGOS 1996

PENUBUHAN KOLEJ ISLAM PAHANG (KIP)



1996

MENERIMA KEMASUKAN PELAJAR PERTAMA



2000

**KOLEJ ISLAM PAHANG DINAMAKAN SEBAGAI
KOLEJ ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**



20 OKTOBER 2015

**DINAIK TARAF SEBAGAI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH (KUIPSAS)**



30 SEPTEMBER 2021

**KELULUSAN PERAKUAN PENDAFTARAN
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)**



NILAI TERAS



❖ TAKAMUL ❖

Takamul merujuk kepada pengintegrasian antara ilmu aqli dan naqli dalam kurikulum yang selari dengan misi dan visi yang ditetapkan oleh UnIPSAS. Konsep pengintegrasian ini diaplikasikan melalui penekanan terhadap ilmu naqli yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di UnIPSAS. Manakala ilmu aqli pula adalah merujuk kepada kepelbagaian disiplin ilmu yang ditawarkan di UnIPSAS. Melalui pendidikan yang berpaksikan kepada akidah, syariah dan akhlak ini diharapkan mampu menghasilkan modal insan yang mempunyai sahsiah yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani.

❖ TARBIAH ❖

Tarbiah adalah merujuk kepada proses pendidikan bagi mengembangkan seluruh potensi individu. Penekanan tarbiyah bukan semata-mata aspek teori tetapi turut merangkumi aspek amali iaitu mengamalkan ajaran Islam secara sempurna. Matlamat teras ini adalah untuk mendidik pelajar agar menjadikan Islam sebagai cara hidup serta menonjolkan ketinggian budi pekerti dalam kehidupan bermasyarakat.

❖ TAJDID ❖

UnIPSAS sentiasa komited dalam melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bagi mencapai visi, misi dan objektif UniPSAS. Pembaharuan dan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah berteraskan penyelidikan yang memberi fokus terhadap kepelbagaian bidang ilmu sejajar dengan aspirasi masyarakat, industri dan negara.

PENGENALAN

Pelan strategik merupakan komponen terpenting dalam usaha merangka dan merancang dasar, menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat institusi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Pelan Strategik UnIPSAS 2022-2026 adalah dokumen perancangan lima tahun universiti bagi meneruskan legasi kecemerlangan universiti sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu dan ketrampilan insan.



Selari dengan perubahan dari sebuah kolej universiti kepada sebuah universiti, UnIPSAS bertekad untuk melahirkan golongan profesional Muslim holistik dalam pelbagai bidang yang dapat menyumbang kepada guna tenaga negara di samping mempertingkatkan jaringan kerjasama sehingga ke peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan program dan penyelidikan berimpak tinggi.

Fokus Pelan Strategik yang dibangunkan memberi tumpuan kepada empat (4) asas utama iaitu bidang tujuhan universiti, penarafan MyRA, penarafan SETARA dan syarat khusus perakuan pendaftaran universiti penuh.

SESI TAKLIMAT & LIBAT URUS



PERINGKAT BAHAGIAN DAN PENGURUSAN EKSEKUTIF UNIVERSITI



AHLI LEMBAGA PENGELOLA



AHLI LEMBAGA PENGARAH




7 TERAS UTAMA

PELAN STRATEGIK UnIPSAS 2022-2026



TERAS 1

PEMERKASAAN GRADUAN



TERAS 1

PEMERKASAAN GRADUAN



UnIPSAS tidak ketinggalan dalam merencana pembangunan pelajar ke arah melahirkan graduan yang bertaqwa, holistik dan berketerampilan. Justeru, program merentasi pelbagai kemahiran direncana bagi memastikan usaha pembangunan pelajar mencapai impak yang diharapkan.

OBJEKTIF STRATEGI **OS1:** PEMERKASAAN KUALITI GRADUAN

❖ STRATEGI ❖

- 1 Meningkatkan peratusan bilangan pelajar bergraduasi pra-siswazah dalam tempoh yang ditetapkan (GOT).
- 2 Meningkatkan peratusan bilangan pelajar bergraduasi pasca-siswazah dalam tempoh yang ditetapkan (GOT).

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Memperkasakan program mentor dan mentee kepada pelajar pra-siswazah.
- ▶ Menganjurkan bengkel kemahiran penyelidikan kepada pelajar pascasiswazah.
- ▶ Menganjurkan bengkel penulisan jurnal berimpak tinggi.
- ▶ Menganjurkan program dan aktiviti bersesuaian kepada pelajar pra-siswazah dan pascasiswazah.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|------|------|------|------|------------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan pelajar Sarjana Muda yang bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT). | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | TNC HEA TNC HEPA |
| Peratusan graduan memperoleh PNGK 3.5 dan ke atas. | 30% | 33% | 36% | 39% | 42% | JPA DEKAN UNIT KAUNSELING |
| Peratusan pelajar Pasca-Siswazah yang bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT). | - | - | 40% | 40% | 40% | PPS TNC HEA |
| Bilangan bengkel penulisan jurnal berimpak tinggi yang dianjurkan. | 2 | 2 | 3 | 3 | 3 | PPS TNC HEA |

❖ STRATEGI ❖

- 1 Menghasilkan pelajar yang boleh menyumbang kepada ummah dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi melalui pelaksanaan aktiviti anjuran UnIPSAS dan sinergi bersama pihak lain.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menjalankan program-program pembangunan kemahiran insaniah pelajar (Modul Insani).
- ▶ Memperkukuhkan kemahiran kepimpinan pelajar dan kerja berpasukan.
- ▶ Menganjurkan aktiviti yang berfokuskan komuniti.
- ▶ Menganjurkan program peningkatan bakat pelajar.
- ▶ Menganjurkan aktiviti-aktiviti keusahawanan.
- ▶ Mempertingkatkan kebajikan kepada pelajar melalui skim bantuan.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|---|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan graduan memperoleh skor memuaskan dalam Modul Insani. | 20% | 40% | 60% | 60% | 70% | TNC HEA TNC HEPA FAKULTI PUSAT ISLAM |
| Peratusan kebolehpasaran graduan. | 70% | 75% | 80% | 85% | 85% | TNC HEPA (UNIT KEMAHIRAN INSANIAH) |

OBJEKTIF STRATEGI **OS3: PEMERKASAAN AKSES PELAJAR ANTARABANGSA**

❖ STRATEGI ❖

- 1 Mempertingkatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa pada setiap tahun.
- 2 Membina hubungan baik bersama negara-negara yang berpotensi dan komuniti antarabangsa di Malaysia.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Membina jaringan dan hubungan baik dengan negara berpotensi.
- ▶ Menganjurkan lawatan kerja ke negara luar bagi mempromosikan UnIPSAS.
- ▶ Mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama komuniti antarabangsa yang tinggal di Malaysia.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|------------------------------------|-------|------|------|------|------|---|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan Pelajar Antarabangsa. | 2% | 4% | 6% | 8% | 10% | PENDAFTAR (JABATAN PERHUBUNGAN KORPORAT) |

OBJEKTIF STRATEGI **OS4:** PEMERKASAAN ALUMNI

❖ STRATEGI ❖

- ▶ Membina hubungan secara sinergi dan simbiosis antara UnIPSAS dan alumni demi manfaat bersama.
- ▶ Memperbanyakkan penglibatan alumni dengan UnIPSAS melalui penganjuran program bersama.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mengemaskini data alumni KIP/KIPSAS/KUIPSAS/UnIPSAS dan merekodkan data alumni baharu pada setiap semester melalui platform digital.
- ▶ Mengenalpasti ikon alumni dalam setiap bidang dan membuat promosi ikon alumni melalui hebahan di media sosial.
- ▶ Mengiktiraf alumni cemerlang melalui penganjuran anugerah alumni.
- ▶ Melibatkan alumni di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh universiti; program pelajar, seminar, penggubalan dan semakan kurikulum.
- ▶ Menyelaras program pasca graduasi bagi meningkatkan kemahiran sesuai dengan kehendak semasa pasaran dan padanan kerja.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|--|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan hebahan ikon alumni di media sosial. | 14 | 24 | 24 | 24 | 24 | TNCHEPA (UNIT PERKHIDMATAN PELAJAR DAN ALUMNI) |
| Bilangan Alumni yang memberi sumbangan kepada universiti. | 3 | 5 | 7 | 9 | 9 | TNCHEPA (UNIT PERKHIDMATAN PELAJAR DAN ALUMNI) TNCHEA |

A woman wearing a light-colored hijab and a matching long-sleeved top is speaking into a microphone. She is holding a white document or folder in front of her. The background is slightly blurred, showing what appears to be an indoor setting with a door and some wall decorations. The entire image is overlaid with a semi-transparent teal color.

TERAS 2

KEUNGGULAN BAKAT AKADEMIK

TERAS 2

KEUNGGULAN BAKAT AKADEMIK



Tenaga akademik merupakan sumber utama yang harus dibina agar UnIPSAS mampu mencapai visi dan misi yang digariskan. Sehubungan dengan itu, pembentukan tenaga akademik yang cemerlang terfokus kepada tiga aspek utama iaitu pemerksaan bakat tenaga akademik, pembinaan bakat tenaga akademik pelapis dan pemerksaan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Melalui Kecemerlangan tenaga akademik, UnIPSAS komited untuk lahir sebagai sebuah universiti Islam terulung yang memiliki tenaga akademik berkelayakan, profesional malah diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa.

OBJEKTIF STRATEGI **OS1:** PEMERKASAAN BAKAT TENAGA AKADEMIK

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memperkasa tahap kelayakan akademik pensyarah, kelayakan profesional pensyarah dan penglibatan pensyarah dalam industri tempatan dan antarabangsa.
- 2 Meningkatkan peratusan penglibatan pensyarah dengan program kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP).

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menawarkan cuti belajar bergaji penuh (CBBP) kepada pensyarah yang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah.
- ▶ Melantik pensyarah berkeelayakan PhD.
- ▶ Mempertingkatkan bilangan pensyarah menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah.
- ▶ Mewajibkan pensyarah memiliki Ijazah Sarjana dalam tempoh lima (5) tahun.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mempertingkatkan laluan kerjaya pensyarah.
- ▶ Mempertingkatkan jumlah pensyarah yang mengikuti kursus daripada badan profesional.
- ▶ Mempertingkatkan bilangan kerjasama dengan badan profesional.
- ▶ Menganjurkan persidangan tempatan/antarabangsa yang disertai oleh pensyarah.
- ▶ Menganjurkan latihan berstruktur ke arah melahirkan pensyarah yang diiktiraf peringkat tempatan dan antarabangsa.
- ▶ Melaksanakan bengkel penyeliaan kepada pensyarah/ penyelia pelajar pascasiswazah.
- ▶ Mempertingkatkan penyertaan pensyarah UnIPSAS dalam kursus/latihan yang berkaitan teknologi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|---------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD. | 18% | 20% | 23% | 25% | 28% | TNC HEA Pendaftar |
| Bilangan pensyarah bertaraf Profesor. | 4 | 6 | 8 | 10 | 13 | TNC HEA |
| Bilangan pensyarah bertaraf Profesor Madya. | 7 | 14 | 18 | 22 | 26 | TNC HEA Pendaftar |
| Peratusan pensyarah yang mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional. | 34% | 36% | 38% | 40% | 42% | TNC HEA |
| Peratus pembentangan pensyarah dalam persidangan tempatan/ antarabangsa. | 10% | 20% | 30% | 40% | 50% | TNC HEA DEKAN FAKULTI |
| Peratusan pensyarah yang diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa. | 8% | 15% | 20% | 25% | 30% | PENDAFTAR TNC HEA |



TERAS 3

KECEMERLANGAN PROGRAM AKADEMIK

TERAS 3

KECEMERLANGAN PROGRAM AKADEMIK



Dalam usaha untuk mendidik dan melahirkan graduan berkualiti dan holistik, UnIPSAS komited menawarkan program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing dengan menekankan kepada lima aspek utama iaitu pendidikan yang berasaskan ilmu aqli dan naqli, fleksibel, bertaraf antarabangsa, dinamik dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Melalui teras ini, UnIPSAS komited muncul sebagai sebuah universiti Islam terulung yang menepati dan mendokong wawasan dan hala tuju pendidikan peringkat nasional.



OBJEKTIF STRATEGI OS1: PEMERKASAAN PROGRAM PENGAJIAN YANG BERKUALITI DAN BERDAYA SAING

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memperkasa pendidikan yang berasaskan ilmu aqli dan naqli yang bercirikan fleksibel, bertaraf antarabangsa dan dinamik.
- 2 Program yang berpaksikan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menawarkan program baharu Sarjana dan Doktor Falsafah.
- ▶ Menawarkan program *dual/joint/double degree*.
- ▶ Menawarkan kursus Pengajian Ilmu Turath.
- ▶ Meningkatkan kerjasama program akademik antara UnIPSAS dengan IPT tempatan dan antarabangsa.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Meningkatkan kerjasama program akademik antara UnIPSAS dengan IPT tempatan dan antarabangsa.
- ▶ Melaksanakan program akademik mobiliti pelajar (*inbound dan outbound*).
- ▶ Menawarkan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh (*Open Distance Learning*) seperti kursus *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan program *Microcredentials*.
- ▶ Memulakan pengambilan pelajar baharu melalui APEL.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|------|------|------|------|---------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan Program Baharu Sarjana. | 3 | 2 | - | - | - | TNC HEA |
| Bilangan Program Baharu Doktor Falsafah. | 3 | - | - | - | - | |
| Bilangan program <i>dual/joint/double degree</i> yang ditawarkan. | - | 1 | 1 | 1 | 1 | TNC HEA |
| Bilangan kursus Pengajian Ilmu Turath yang ditawarkan. | 1 | 1 | 1 | 1 | 2 | TNC HEA Pengaruh Pusat Islam |
| Bilangan pelajar terlibat di dalam program akademik mobiliti pelajar (<i>inbound</i>). | - | 20 | 30 | 40 | 50 | TNC HEA TNC HEPA DEKAN |
| Bilangan pelajar terlibat di dalam program akademik mobiliti pelajar (<i>outbound</i>) | - | 20 | 30 | 40 | 50 | |
| Bilangan Program Pembelajaran Terbuka Jarak Jauh (<i>Open Distance Learning</i>) | 1 | 1 | 1 | 2 | 2 | PPSH DEKAN |
| Bilangan program berbentuk <i>Microcredentials</i> | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | PPSH DEKAN |
| Bilangan pelajar yang masuk ke UniPSAS melalui APEL | - | 10 | 15 | 20 | 25 | PPSH |



TERAS 4

PEMERKASAAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

TERAS 4

PEMERKASAAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI



UnIPSAS komited dalam mengukuhkan dan memantapkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi untuk terus kekal berdaya saing pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jalinan kerjasama dalam kalangan institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, syarikat swasta dan organisasi yang berkaitan perlu diperkukuh bagi meningkatkan penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti tinggi. Penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti dapat menonjolkan keilmuan kesarjanaan dan keintelektualan penyelidik dalam kalangan ahli akademik.

Bagi meningkatkan impak setiap penyelidikan yang dijalankan, UnIPSAS menekankan agar hasil aktiviti penyelidikan yang dijalankan harus berupaya memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan negara. Kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi diharapkan dapat memartabatkan reputasi universiti serta memberi impak kepada transformasi masyarakat, industri dan negara sejajar dengan revolusi global IR 5.

OBJEKTIF STRATEGI **OS1:** PEMANTAPAN KUALITI PENYELIDIKAN

❖ STRATEGI ❖

- 1 Mempertingkatkan bilangan kerjasama penyelidikan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.
- 2 Memperluaskan jaringan strategik penyelidikan.
- 3 Meningkatkan kemahiran dan kepakaran penyelidik.
- 4 Memperkasakan skim intensif penyelidikan UnIPSAS.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Meningkatkan jumlah peruntukan geran penyelidikan universiti.
- ▶ Meningkatkan jumlah kolaborasi penyelidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- ▶ Meningkatkan jumlah penyelidikan yang selesai dalam tempoh yang ditetapkan.
- ▶ Menyediakan polisi dan garis panduan yang komprehensif.
- ▶ Menyediakan skim Insentif penyelidikan bagi menggalakan pensyarah menjalankan penyelidikan.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|----------|----------|----------|----------|-----------|---------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Jumlah peruntukan geran penyelidikan universiti. | RM60,000 | RM70,000 | RM80,000 | RM90,000 | RM100,000 | THEPI BENDAHARI |
| Bilangan penyelidikan bersama IPTA/IPTS, pusat-pusat kajian dan agensi luar. | 3 | 3 | 4 | 4 | 5 | HEPI HEA FAKULTI |
| Peratus penyelidikan yang selesai dalam tempoh ditetapkan. | 30% | 40% | 50% | 60% | 70% | HEPI |
| Bilangan Penyelidik Utama dalam geran penyelidikan. | 10 | 15 | 20 | 25 | 30 | HEPI |
| Bilangan projek <i>Knowledge Transfer Programme (KTP)</i> . | 2 | 3 | 3 | 4 | 4 | |

OBJEKTIF STRATEGI **OS2:** PENINGKATAN BUDAYA INOVASI

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memperkasakan kreativiti dan inovasi dalam kalangan tenaga akademik dan pelajar UnIPSAS.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menganjurkan aktiviti seperti latihan, seminar, pertandingan dan pendaftaran harta intelek.
- ▶ Memperuntukkan dana untuk aktiviti inovasi.
- ▶ Menyediakan Skim Insentif Inovasi.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|------|------|------|------|---------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan produk inovasi yang dihasilkan. | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | HEPI |
| Bilangan Harta Intelek yang didaftarkan. | 10 | 10 | 10 | 10 | 10 | HEPI |
| Bilangan produk yang dikomersilkan. | - | - | 1 | 1 | 1 | HEPI |
| Bilangan Anugerah Inovasi. | 2 | 2 | 3 | 3 | 4 | HEPI |

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memperkasakan penerbitan pensyarah melalui latihan dan bengkel pembangunan kemahiran dalam penerbitan berimpak tinggi.
- 2 Memperkasakan penerbitan universiti yang berbentuk buku mahupun jurnal melalui pengiktirafan dari badan pengiktiraf seperti MAPIM, MABOPA, MyCITE, Scopus, WoS, ERA, ISI.
- 3 Memperluaskan usaha sama penerbitan dengan agensi atau institut luar dalam penerbitan buku atau bahan.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menubuhkan Penerbit UnIPSAS yang berdaftar dengan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).
- ▶ Meningkatkan jumlah penerbitan artikel jurnal berwasit dan terindeks.
- ▶ Meningkatkan penerbitan buku dalam kalangan pensyarah.
- ▶ Meningkatkan penerbitan jurnal berwasit dan terindeks.
- ▶ Meningkatkan usaha sama penerbitan dengan agensi atau institut luar dalam penerbitan buku atau bahan ilmiah.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|--|------|------|------|----------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Pengiktirafan Penerbit UnIPSAS sebagai ahli MAPIM. | - | Penerbit UnIPSAS sebagai ahli MAPIM | - | - | - | HEPI PENDAFTAR PEMBANGUNAN |
| Bilangan penerbitan artikel jurnal berwasit dan terindeks. | 40 | 50 | 60 | 70 | 60 | HEPI HEA FAKULTI |
| Bilangan penerbitan buku pelbagai bidang. | 5 | 8 | 10 | 10 | 15 | HEPI HEA/ FAKULTI |
| Bilangan penerbitan jurnal UnIPSAS. | 2 | - | 3 | - | 4 | HEPI HEA FAKULTI |
| Bilangan buku/ bahan ilmiah. | 1 | 2 | 2 | 2 | 3 | HEPI HEA FAKULTI |

OBJEKTIF STRATEGI OS4: PEMERKASAAN PUSAT KECEMERLANGAN

❖ STRATEGI ❖

- 1 Menubuhkan pusat kecemerlangan baharu.
- 2 Menonjolkan peranan UnIPSAS sebagai pusat rujukan ilmu yang berautoriti di negeri Pahang.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menubuhkan pusat kecemerlangan baharu.
- ▶ Meningkatkan geran penyelidikan berkaitan bidang tujuhan.
- ▶ Menganjurkan program (seminar, forum) berkaitan bidang tujuhan.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|----------------------------------|-------|------|------|------|------|---------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan pusat kecemerlangan. | - | - | - | 3 | 3 | HEPI FAKULTI |
| Bilangan geran penyelidikan. | 1 | 2 | 2 | 2 | 2 | HEPI FAKULTI |

The background is a teal-tinted collage of financial data. It includes a 3D bar chart with several bars of varying heights, a pie chart with segments labeled with percentages like 20%, 10%, and 1%, a calculator with various buttons (OFF, GT, %, =, +, -, x, /, etc.), and several line graphs and smaller bar charts. The overall aesthetic is professional and data-oriented.

TERAS 5

KEMAPANAN KEWANGAN

TERAS 5

KEMAPANAN KEWANGAN



Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan UnIPSAS bagi mengukuhkan kedudukan kewangan UnIPSAS.

OBJEKTIF STRATEGI **OS1:** PENJANAAN SUMBER PENDAPATAN DARIPADA SUMBER OPERASI DAN AKTIVITI PELABURAN

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memantapkan dasar penjimatan melalui kawalan belanjawan yang berkesan.
- 2 Meningkatkan kecairan kewangan melalui kutipan yuran yang cekap dan kawalan kredit yang berkesan.
- 3 Meningkatkan penjanaan pendapatan daripada aset-aset.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mempertingkatkan kutipan yuran tertunggak dan mengenalpasti pelajar-pelajar yang bermasalah dari awal pengajian.
- ▶ Penjimatan perbelanjaan mengurus melalui pematuhan dan semakan belanjawan yang cekap dan teratur.
- ▶ Mengumpul dana wakaf dan sumbangan orang ramai melalui Tabung Amanah dan Yayasan Amanah Tuanku Canselor (YATC) untuk disalurkan kepada pelajar-pelajar dan bakal pelajar yang memerlukan bantuan khususnya golongan asnaf dan bakal pelajar yang memerlukan bantuan khususnya golongan asnaf dan B40.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|---|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratus pencapaian bilangan pelajar yang membuat bayaran hutang tertunggak. | 50% | 60% | 70% | 80% | 90% | Unit Hasil dan Akaun Pelajar |
| Bilangan semakan prestasi belanjawan agar perbelanjaan dapat dikawal secara berkesan dan penjimatan yang maksimum dapat dicapai. | 2 kali setahun | 2 kali setahun | 2 kali setahun | 2 kali setahun | 2 kali setahun | Unit Belanjawan dan Kewangan Kakitangan |
| Peratusan pertambahan pendapatan. | 10% | 15% | 20% | 25% | 30% | Bendahari |
| Jumlah dana yang berjaya dikumpul. | RM500K | RM600K | RM700K | RM800K | RM1Juta | THEPI BENDAHARI Bendahari |
| Peratusan pendapatan atas pelaburan yang berjaya dijana oleh YATC. | 3% | 4% | 5% | 6% | 7% | HEPI HEA FAKULTI |
| Peratusan bantuan yang berjaya disalurkan daripada jumlah dana yang terkumpul. | 50% | 50% | 50% | 50% | 50% | HEPI |



TERAS 6

KEMANTAPAN EKOSISTEM GOVERNAN

TERAS 6

KEMANTAPAN EKOSISTEM GOVERNAN



Peranan UnIPSAS sebagai sebuah universiti penuh perlu berpaksikan kepada amalan governan yang telus dan patuh syariah. Keseluruhan sumber universiti merangkumi manusia, sistem maklumat, fizikal dan kewangan, perlu diuruskan secara efektif dan efisien. Ini bagi memastikan pembuatan keputusan strategik dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menyokong kepada perkembangan akademik UnIPSAS.

Teras ekosistem governan ini bertujuan memastikan bahawa keseluruhan sistem pengurusan UnIPSAS mematuhi aspek governan. Sebagai sebuah universiti milik Kerajaan Negeri Pahang, aspek governan juga diberi perhatian khusus melalui penyertaan UnIPSAS di dalam audit integriti oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Ini bagi memastikan bahawa governan UnIPSAS berada pada landasan yang betul agar penerapan nilai Islam yang murni dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

OBJEKTIF STRATEGI **OS1:** PEMERKASAAN AMALAN TADBIR URUS UNIVERSITI

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memastikan kemantapan tadbir urus UnIPSAS melalui pematuhan terhadap amalan baik berkaitan integriti, tadbir urus dan anti rasuah sebagaimana yang ditetapkan di dalam dokumen, garis panduan dan pekeliling dalaman UnIPSAS dan pihak berkepentingan.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Memperkasa pematuhan Isu-isu Kawalan Kritikal Syariah UnIPSAS yang termaktub di dalam SPK MS 1900:2014.
- ▶ Menyertai Audit Integriti Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan program/anugerah integriti yang dianjurkan Institut Integriti Malaysia.
- ▶ Melaksanakan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016.
- ▶ Melaksanakan Indeks Kesejahteraan Psikologi Anggota Kerja UnIPSAS.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|------|------|------|------|---------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratus pematuhan terhadap Isu-isu Kawalan Kritikal Syariah. | 70% | 80% | 90% | 100% | 100% | Pengarah Kualiti |
| Peratus pematuhan Audit Integriti Kerajaan Negeri Pahang. | - | 65% | 80% | 90% | 100% | Pendaftar |
| Peratus pencapaian Indeks Kesejahteraan Psikologi Anggota Kerja UnIPSAS. | 50% | 55% | 60% | 65% | 70% | Bendahari |

OBJEKTIF STRATEGI **OS2:** PEMERKASAAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME ANGGOTA KERJA UnIPSAS (AKU)

❖ STRATEGI ❖

- 1 Meningkatkan profesionalisme, pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi AKU melalui penyertaan dalam latihan yang berkaitan dengan bidang kerja.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mengoptimumkan geran latihan yang dicarum dalam tabung HRDF.
- ▶ Memperuntukkan dana latihan dalaman untuk penganjuran latihan.
- ▶ Menganjurkan program latihan dalaman yang berbentuk fungsian dalam meningkatkan kemahiran AKU.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|---------------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan anggota kerja memperoleh skor LNPT 80 ke atas. | 90% | 90% | 90% | 90% | 95% | Pejabat Pendaftar |
| Peratusan anggota kerja yang memenuhi bilangan kursus fungsian yang ditetapkan. | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | Pejabat Pendaftar |

❖ STRATEGI ❖

- 1 Menaiktaraf infrastruktur, keselamatan ICT dan perkhidmatan digital agar relevan dengan keperluan akademik, penyelidikan dan tadbir urus.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan keselamatan ICT dan perkhidmatan digital agar relevan dengan keperluan akademik, penyelidikan dan tadbir urus.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|--|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Peratusan gangguan sistem rangkaian dan aplikasi. | 7% | 6% | 6% | 5% | 4% | Pendaftar Pen, Pendaftar Pentadbiran, Pegawai Tek.Maklumat |
| Peratusan perkhidmatan digital. | 50% | 75% | 80% | 90% | 100% | Pendaftar, Pegawai Tek.Maklumat |

❖ STRATEGI ❖

- 1 Membangunkan kawasan kampus dengan persekitaran fizikal yang mesra pengguna dan memenuhi keperluan warga kampus.
- 2 Memastikan pembangunan fizikal yang dirancang dilengkapi dengan teknologi terkini dan mengikuti perkembangan semasa bagi meningkatkan pengalaman pengguna dengan gaya hidup kampus yang berkualiti.
- 3 Membangunkan kemudahan dan fasiliti fizikal yang mesra warga kampus dan juga orang awam serta warga Orang Kelainan Upaya yang berkunjung ke kawasan kampus.
- 4 Memaksimumkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui bagi memastikan kelestarian kewangan dalam jangka panjang.
- 5 Menyediakan Sistem Keselamatan yang efektif dan produktif dalam memastikan tahap keselamatan warga kampus dan orang awam sentiasa terjamin.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Membina sebuah asrama baru yang berkapasiti tinggi.
- ▶ Menyediakan bangunan pejabat yang mencukupi kepada bilangan kakitangan.
- ▶ Menyediakan bangunan fakulti bagi memenuhi keperluan bilangan fakulti universiti.
- ▶ Menyediakan bangunan perpustakaan yang lengkap dengan teknologi terkini dan memenuhi keperluan warga kampus.
- ▶ Menjadikan sumber tenaga boleh diperbaharui sebagai sumber tenaga alternatif dalam operasi harian.
- ▶ Mewujudkan persekitaran kampus yang selamat bagi setiap lapisan sosial.
- ▶ Menyediakan infrastruktur dan kemudahan mesra OKU.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|---|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Tahap kepuasan pelajar yang berpuas hati dengan prasarana yang disediakan. | 60% | 65% | 70% | 75% | 80% | Pejabat Pendaftar (Pembangunan & Penyelenggaraan) |
| Tahap kepuasan orang awam yang berpuas hati dengan prasarana yang disediakan. | 70% | 75% | 80% | 85% | 90% | Pejabat Pendaftar (Pembangunan & Penyelenggaraan) |

OBJEKTIF STRATEGI **OS5:** KETERSEDIAAN SUMBER MAKLUMAT

❖ STRATEGI ❖

- 1 Mempertingkatkan koleksi buku fizikal.
- 2 Mewujudkan jalinan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan agensi awam dan swasta.
- 3 Mempertingkatkan koleksi kandungan digital.
- 4 Menyediakan ruang yang kondusif dan selesa kepada pengguna.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Menambah koleksi buku rujukan multi disiplin di perpustakaan yang menyokong kepada perkembangan akademik, penyelidikan dan inovasi, Pusat Jawi, Pusat Hadith, Pusat Dakwah dan pusat kecemerlangan berkaitan.
- ▶ Mendigitalkan tesis, prosiding, kertas peperiksaan serta bahan-bahan arkib (UnIPSAS Repositori).
- ▶ Memperluaskan peranan perpustakaan bersama komuniti.
- ▶ Memperkenalkan perpustakaan digital kepada pengguna melalui aktiviti kempen dan program.
- ▶ Mewujudkan Perpustakaan digital Islamik.
- ▶ Menambah pangkalan data jurnal digital.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|---|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan koleksi fizikal baharu yang diperolehi secara pembelian atau wakaf. | 1000 | 1300 | 1500 | 1700 | 2000 | Perpustakaan Pelanggan Pejabat Bendahari HEA |
| Bilangan tajuk yang didigitalkan. | 170 tajuk | 200 tajuk | 300 tajuk | 400 tajuk | 500 tajuk | Perpustakaan Pejabat Pendaftar Jabatan Teknologi Maklumat |
| Bilangan pangkalan data digital. | 0 | 1 | 0 | 1 | 1 | Perpustakaan HEA Pejabat Bendahari |



TERAS 7

KEUTUHAN
JARINGAN KOMUNITI

TERAS 7

KEUTUHAN JARINGAN KOMUNITI



Peranan institusi pengajian tinggi tidak boleh dilihat sebagai pusat penghasilan cendekiawan melalui proses pengajaran dan pembelajaran semata-mata. UnIPSAS telah bergerak dalam menentukan peranan mahasiswa dan AKU terhadap masyarakat melalui persoalan “*What are we good for?*”. Usaha UnIPSAS ini turut dipandu oleh keprihatinan Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam negeri Pahang.

Di samping itu, usaha UnIPSAS terarah untuk menyokong usaha Jabatan Pendidikan Tinggi dalam transformasi program akademik, melalui program CARE (*Community Resilience Experiential Learning*).

OBJEKTIF STRATEGI OS1: PEMERKASAAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN

❖ STRATEGI ❖

- 1 Mengungguli aktiviti kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial universiti melalui keterlibatan pelajar dan AKU UnIPSAS.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Memperkasa aktiviti/ program keterlibatan masyarakat-universiti.
- ▶ Melaksanakan pendekatan konsep tiga pihak (*Triple Helix*) melalui kolaborasi universiti-industri-kerajaan untuk memperkasakan kesejahteraan rakyat.
- ▶ Meningkatkan penglibatan pelajar dan AKU dalam aktiviti kemasyarakatan peringkat negeri.
- ▶ Meningkatkan penglibatan pelajar dan AKU dalam aktiviti kemasyarakatan peringkat kebangsaan.
- ▶ Meningkatkan penglibatan pelajar dan AKU dalam aktiviti kemasyarakatan peringkat antarabangsa.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|----------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan aktiviti/program keterlibatan masyarakat-universiti. | 15 | 20 | 25 | 30 | 35 | Pejabat Pendaftar HEPA HEA |
| Jumlah peruntukan diterima untuk pelaksanaan aktiviti/program yang menggunakan pendekatan konsep lingkaran tiga pihak (<i>Triple Helix</i>). | RM10,000 | RM20,000 | RM40,000 | RM60,000 | RM80,000 | Pejabat Pendaftar HEPA HEA |

❖ STRATEGI ❖

- 1 Memujudkan citra universiti yang berteraskan kepada nilai universiti
- 2 Mempelbagaikan platform penggunaan tulisan jawi di peringkat universiti.
- 3 Menerapkan pengamalan nilai-nilai murni dalam persekitaran kerja.
- 4 Mempertingkatkan penghayatan citra universiti dalam kalangan Anggota Kerja UnIPSAS (AKU)

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Melaksanakan bengkel pemerksaan citra universiti.
- ▶ Membina mercu tanda sebagai satu citra universiti.
- ▶ Menyediakan dan menguatkuasa garis panduan citra universiti.
- ▶ Melaksanakan program atau kempen penghayatan citra universiti.
- ▶ Meningkatkan penglibatan pelajar dan AKU dalam aktiviti citra universiti.

| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|---|-------|------|------|------|------|---------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Mercu Tanda UnIPSAS. | - | - | 1 | - | - | Pejabat Pendaftar |
| Peratus papan tanda dalam tulisan jawi. | 80 | 90 | 100 | 100 | 100 | Pejabat Pendaftar |
| Penggunaan tulisan jawi dalam buku program bagi majlis di peringkat universiti. | 70 | 80 | 90 | 100 | 100 | Pendaftar/ HEPI |
| Penyertaan AKU dalam program citra peringkat universiti. | 50% | 70% | 80% | 80% | 80% | Pejabat Pendaftar |
| Soal selidik kepatuhan citra universiti. | 50% | 70% | 80% | 90% | 90% | Pejabat Pendaftar |

OBJEKTIF STRATEGI **OS3:** PEMERKASAAN PUSAT ISLAM BERSAMA KOMUNITI

❖ STRATEGI ❖

- 1 Mempertingkatkan peranan pusat Islam sebagai pusat bimbingan dan rujukan kepakaran dalam hal ehwal Islam.
- 2 Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat ke arah merealisasikan Pusat Islam sebagai pusat kecemerlangan syiar Islam.
- 3 Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Pusat Islam melalui infrastruktur dan kemudahan terbaik.
- 4 Mempertingkatkan kepelbagaian sumber penjana pendapatan.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mempertingkatkan pembelajaran keagamaan dalam kalangan AKU dan komuniti.
- ▶ Menganjurkan program dan aktiviti pendidikan, keilmuan dan kerohanian yang memberi impak kepada komuniti.
- ▶ Menjalankan program kerjasama bersama Pusat Islam IPT, institusi keagamaan dan industri di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- ▶ Menganjurkan program persijilan kemahiran.

❖ INISIATIF ❖

- ▶ Mempertingkatkan jumlah Kelas Pengajian dan Program Ilmiah.
- ▶ Menambahbaik kemudahan infrastruktur melalui pembinaan Pondok Wakaf, Pusat Digital Masjid dan Kelas Pengajian Ilmiah.
- ▶ Mempelbagaikan sumber pendapatan melalui penganjuran program Ibadah Umrah, Haji dan ziarah, pembinaan kiosk perniagaan, Rumah Sembelihan Halal Moden dan Rumah Tamu.


| PENGUKURAN PRESTASI | TAHUN | | | | | Pusat Tanggungjawab (PTJ) |
|--|-------|------|------|------|------|---------------------------|
| | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | 2026 | |
| Bilangan program pendidikan, keilmuan dan kerohanian bersama komuniti. | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | PPI |
| Bilangan Pelajar KAFA Masjid UnIPSAS. | 90 | 100 | 150 | 200 | 300 | PPI |
| Bilangan Pelajar Kelas Tahsin Masjid UnIPSAS. | 200 | 300 | 400 | 500 | 500 | PPI |
| Bilangan Peserta Program Ibadah Umrah, Haji dan Ziarah. | 0 | 5 | 3 | 10 | 20 | PPI |
| Peratusan peningkatan pendapatan. | 3% | 5% | 7% | 10% | 13% | PPI |

PENGHARGAAN

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) dengan segala sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku Pelan Strategik UnIPSAS 2022-2026 ini.









UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بهنجانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah | DU055(C) |

Bangunan Canselori, KM. 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang |

(GL) 09-5535555 | (F) 09-5364421 | (E) pro@unipas.edu.my | (W) www.unipas.edu.my | (SM) @UNIPASofficial